

## BAB TIGA

### TERSERLAH DI KAMPUNG PERTANIAN: PERIOD PERTAMA IDEA REFORMASI PASARAN DIPERKENALKAN (1978-1984)

#### 3.1. Pendahuluan

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Parti Kesebelas Sesi Ketiga (*dishiyijie sanzhong quanhui*, Mesyuarat Sesi Ketiga) telah diterima umum sebagai satu titik tolak bersignifikasi dalam sejarah PKC. Mulai daripada mesyuarat tersebut, Deng Xiaoping menguasai tumpuk pemerintahan PKC. Beliau telah mengemukakan idea-idea pemerintahan untuk dijadikan sebagai isi pembikinan dasar-dasar parti dan negara.

Pada masa itu, China baru sahaja membebaskan diri dari Zaman Revolusi Kebudayaan. Pakar kajian PKC, Harry Harding menyifatkan situasi yang dihadapi oleh kerajaan PKC pada masa itu sebagai “*decayed totalitarianism*” , iaitu legitimasi PKC sebagai parti pemerintah sedang merosot akibat daripada kegagalan pembangunan negara.<sup>106</sup> Bagi seorang pemimpin yang ingin mengekalkan pemerintahan mutlak Komunis tetapi juga berhasrat melakukan reformasi, peranan yang dimainkan oleh Deng Xiaoping pada masa itu cukup menarik perhatian. Ketika 1978 beliau telah berumur tujuh puluh empat tahun, tetapi rakyat China lebih melihatnya sebagai harapan masa depan negara berbanding dengan Hua Guofeng yang lebih muda. Apakah kelebihan Deng? Bab yang sebelumnya telah menghuraikan sebahagian idea-idea Deng pada tahun 1970-an, ketika beliau mengambil bahagian dalam proses penggubalan dasar negara. Kemudian bab tersebut juga menghuraikan idea-idea pembangunan negara Hua Guofeng

<sup>106</sup> Harry Harding, “Political Development in Post-Mao China,” A. Doak Barnett dan Ralph N. Clough (ed) *Modernizing China: Post-Mao Reform and Development* (Boulder: Westview Press, 1986), ms. 14.

setelah beliau menjadi pemimpin tertinggi negara. Bagaimanapun dalam bab tersebut, idea-idea pembangunan Hua terbukti gagal membawa pembangunan kepada negara. Oleh itu, idea-idea asas reformasi Deng Xiaoping pada period pertama pemerintahan beliau akan dijadikan sebagai tumpuan dalam bab ini. Kebolehan pemerintahan beliau dapat diuji melalui pelaksanaan dasar-dasar yang dikemukakan oleh beliau untuk menghadapi situasi negara pada masa itu.

### **3.2. Analisis Teks Ucapan Deng Pada Upacara Penutup Mesyuarat Kerja Pusat Dan Resolusi Mesyuarat Sesi Ketiga**

Seperti yang telah disebutkan di atas, setelah Mesyuarat Sesi Ketiga diadakan, barulah bermulanya era Deng Xiaoping yang melancarkan Dasar Reformasi Pasaran. Oleh itu, resolusi mesyuarat tersebut sepatutnya perlu didalami terlebih dahulu untuk mengetahui fikiran asas Deng berkenaan Dasar Reformasi Pasaran yang ingin beliau adakan. Akan tetapi Yu Guangyuan yang pernah ditugaskan dalam penulisan teks-teks ucapan Deng Xiaoping tidak berpandangan sedemikian. Beliau menegaskan bahawa, sebenarnya Mesyuarat Kerja Parti Pusat yang bersifat sebagai mesyuarat persediaan Mesyuarat Sesi Ketiga lebih penting daripada Mesyuarat Sesi Ketiga,

Orang ramai hanya tahu adanya Mesyuarat Sesi Ketiga, tetapi tidak tahu kenapa mesyuarat tersebut yang hanya diadakan selama lima hari dapat menyelesaikan begitu banyak perkara.... Sebenarnya sebelum Mesyuarat Sesi Ketiga, (PKC) telah mengadakan satu Mesyuarat Kerja Pusat yang besar dan penting, mengambil masa selama tiga puluh enam hari untuk membuat persiapan rapi bagi penganjuran Mesyuarat Sesi Ketiga.<sup>107</sup>

Memang benar kenyataan Yu tersebut. Mesyuarat Sesi Ketiga yang diadakan pada 18hb hingga 22hb Disember 1978 hanya berlangsung selama lima hari sahaja. Mustahil untuk

---

<sup>107</sup> Yu Guangyuan, *Wo Qinli de Naci Lishi Zhuanzhe: Shiyijie Sanzhong Quanhui de Taiqian Muohou* (Satu Babak Perganjakan Sejarah yang Pernah Saya Saksi: Di Sebalik Tabir dan Depan Pentas Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Parti Kesebelas Sesi Ketiga) (Beijing: Penerbitan Zhongyang Bianyi, 1998), ms. 3

mesyuarat tersebut membincangkan percanggahan pendapat-pendapat secara panjang lebar dan mendapat kata sepakat untuk melakukan perganjakan haluan perjuangan parti. Maka boleh dipercayai bahawa Mesyuarat Kerja Pusat yang diadakan sebelum itu (10hb November hingga 15hb Disember 1978) merupakan mesyuarat yang sebenarnya menentukan perganjakan tersebut.

Satu bukti yang lebih kukuh lagi ialah Resolusi Mesyuarat Sesi Ketiga sebenarnya adalah berdasarkan teks ucapan Deng Xiaoping yang bertajuk "*Jiefang Sixiang, Shishi Qiushi, Tuanjie Yizhi Xiangqiankan*" (Membebaskan Fikiran, Mencari Kebenaran Berdasarkan Fakta Benar, Bersatu Tenaga Mermandang ke Depan) pada upacara penutup Mesyuarat Kerja Pusat tersebut. Berbanding dengan Resolusi Mesyuarat Sesi Ketiga, teks ucapan Deng tersebut membincangkan idea beliau secara lebih mendalam. Oleh itu, analisa terhadap Resolusi Mesyuarat Sesi Ketiga juga perlu diteliti bersama dengan teks ucapan tersebut.

Tajuk teks ucapan tersebut telah menunjukkan tiga tema utama yang ingin diungkitkan oleh si pengucap. Tema yang pertama ialah pembebasan fikiran. Deng telah menakrifkan usaha pembebasan fikiran sebagai satu isu politik yang penting pada masa itu.<sup>108</sup> Pembebasan fikiran yang dimaksudkan di sini sebenarnya bukan satu pembebasan yang "bebas" , tetapi ia hanya terhad dalam,

menerima Fahaman Marxis-Leninis, Maois sebagai panduan, menyelesaikan persoalan-persoalan yang ditinggalkan dahulu, persoalan-persoalan yang timbul baru-baru ini, mereformasi hubungan pengeluaran yang tidak selaras dengan produktiviti yang sedang berkembang pesat dan super struktur, berdasarkan situasi sebenar negara kita (China), menentukan perjalanan, haluan dan prosedur-prosedur yang jelas untuk memastikan Empat Modernisasi dapat direalisasikan.<sup>109</sup>

---

<sup>108</sup> Deng Xiaoping, *Deng Xiaoping Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Deng Xiaoping), jilid kedua, ms. 141.

<sup>109</sup> Ibid.

Maksudnya fungsi pembebasan fikiran hanya terhad kepada tujuan politik dan ekonomi sahaja. Rakyat China amnya dan ahli-ahli PKC secara khasnya perlu memahami ajaran-ajaran Karl Marx, Lenin dan Mao Zedong secara berdikari, kemudian membantu negara mengadakan pemodenan.

Seterusnya Deng menyambungkan perbincangan pembebasan fikiran dengan meletakkan demokrasi sebagai syarat penting untuk membebaskan pemikiran rakyat jelata. Deng berpendapat bahawa dengan adanya suasana demokrasi barulah pembebasan fikiran rakyat boleh dicapai. Konsep demokrasi yang diungkapkan oleh Deng di sini sebenarnya bermaksud konsep "Demokrasi Dipusatkan". Deng masih percaya bahawa suasana demokrasi yang sebenar hanya wujud apabila sebuah kerajaan Komunis yang mendapat mandat daripada majoriti rakyat memerintah dengan kuasa mutlak. Deng dengan lantang membidas kerajaan PKC yang sebelum itu mendapat kuasa yang dipusatkan itu tetapi bukan berdasarkan kehendak majoriti rakyat. Oleh itu, pemerintahan mereka gagal membangunkan negara dan juga menyebabkan kejatuhan mereka. Sehubungan itu, Deng telah mengumumkan "Konsep Tiga Tidak" (*sanbu zhuyi*) untuk membina semula suasana demokrasi masyarakat. "Konsep Tiga Tidak" itu ialah "Tidak Mengungkit Kesilapan yang Lepas" (*buzhua bianzi*), "Tidak Mengaibkan Sesiapa" (*bukou maozi*), "Tidak Menggunakan Kekerasan Terhadap Sesiapa Sesuka Hati" (*buda gunzi*). Akan tetapi yang lebih menarik dalam idea pembinaan suasana demokrasi ini ialah pandangan Deng tentang kebebasan bersuara rakyat. Beliau dengan berani menyeru bahawa,

Orang ramai patut dibenarkan mengemukakan sedikit komen, walaupun terdapat setengah-setengah orang berbuat demikian dengan rasa tidak puas hati, ingin mengambil kesempatan ini untuk melakukan kekacauan, sebenarnya ini pun tidak begitu menakutkan. (Kita) patut mengendalikan perkara tersebut dengan baik, (kita) patut percaya bahawa majoriti rakyat mempunyai kebolehan untuk membezakan betul dan salah. Sebuah parti

revolusi paling takut jika ia tidak dapat dengar suara rakyat jelata lagi, apatah lagi (semua orang) diam membisu.<sup>110</sup>

Kenyataan ini amat menarik kerana pandangan Deng ini seolah-olah beliau telah menunjukkan satu sikap yang toleransi terhadap pandangan yang berbeza dalam kalangan rakyat. Bukan sahaja pada Zaman Revolusi Kebudayaan kenyataan ini tidak pernah dibuat oleh kerajaan, bahkan pada zaman Hua Guofeng pun tidak. Maka ia mudah sahaja membezakan idea-idea Deng dengan puak pemimpin "Dua Semua" yang berkuasa pada masa itu. Deng memberi satu harapan kepada rakyat negaranya.

Berkenaan dengan tema "Mencari Kebenaran Berdasarkan Fakta Benar" , Deng secara terus-terang menggesa satu reformasi perlu diadakan terhadap sistem pentadbiran organisasi kerajaan. Idea-idea pragmatis beliau menonjol sekali dalam gesaan tersebut. Contohnya beliau memperkenalkan Sistem Pentadbiran Bertanggungjawab. Setiap pegawai kerajaan diminta bertanggungjawab terhadap keputusan dan tindakan yang diambil di bawah bidang kuasa kerja masing-masing. Melalui cara ini, mereka tidak dapat mengelakkan diri daripada menanggung tanggungjawab sesuatu dasar dengan alasan tanggungjawab kolektif yang selalu dipakai oleh orang Komunis.

Pada dasar ekonomi pula, Deng mencadangkan supaya kerajaan membenarkan sebahagian rakyat dari sesuatu tempat menjadi kaya terlebih dahulu,

Saya berpendapat bahawa, (kerajaan harus) membenarkan sebahagian kawasan, sebahagian korporat, sebahagian pekerja dan petani, oleh kerana rajin dan tekun bekerja berhak menerima hasil yang lebih tinggi, pendapatan yang lebih banyak, taraf hidup yang lebih. Dengan demikian, mereka akan menjadi satu contoh teladan, mempengaruhi jiran sekelilingnya, menggalakkan rakyat di kawasan lain dan unit bekerja lain mencontohi mereka.<sup>111</sup>

Idea ini juga amat menggegarkan. Seperti yang telah dibincangkan pada bab dua, dasar ekonomi pragmatis yang pernah dilaksanakan pada period-period pemerintahan PKC

---

<sup>110</sup> Ibid, ms. 144-145.

<sup>111</sup> Ibid, ms. 152.

sebelum itu, contohnya pada Period Demokrasi Baru, awal 1960-an dan awal 1970-an, semuanya bersifat ekonomi pasaran. Akan tetapi dasar-dasar tersebut tidak dapat berpanjangan kerana pemimpin negara tertinggi pada masa itu Mao Zedong telah membatkannya. Kini Deng Xiaoping sekali lagi mempelopori idea-idea ini. Mao Zedong telah meninggal dunia. Akan tetapi amalan pengharaman dasar-dasar yang bersifat ekonomi pasaran telah menjadi salah satu prinsip yang kekal dalam fikiran ramai pemimpin kerajaan tempatan PKC. Oleh itu, jika cadangan Deng tersebut dijadikan sebagai dasar, tentu mereka akan merasa sukar untuk menyesuaikan diri semasa pelaksanaan dasar-dasar tersebut.

Perubahan ini merupakan satu transformasi yang mendadak terhadap ekologi masyarakat China yang telah sekian lama di bawah Sistem Ekonomi Terancang.<sup>112</sup> Bagaimanapun, idea-idea asas reformasi Deng ini telah mendapat sokongan majoriti ahli Jawatankuasa Pusat PKC dalam Mesyuarat Kerja Pusat tersebut. Maka teks ucapan tersebut pun dijadikan sebagai pedoman asas Resolusi Mesyuarat Sesi Ketiga. Kemudian idea-idea tersebut telah diluluskan sebagai Resolusi Mesyuarat Sesi Ketiga dengan sebulat suara oleh para ahli Jawatankuasa Pusat PKC. Dengan itu, pengumuman perganjakan haluan perjuangan parti pada 1979 secara rasmi telah dibuat.

Resolusi tersebut juga mengumumkan rancangan Reformasi dan Pembukaan (*gaige yu kaifang*) dalam sistem pentadbiran kerajaan dan pengeluaran,

Sistem pentadbiran ekonomi negara kita mempunyai satu kelemahan yang serius iaitu kuasa terlalu dipusatkan, maka perlu adakan satu proses disentralisasi yang di bawah pengawasan (kerajaan pusat)...Perlu menyusutkan saiz institusi-institusi pentadbiran ekonomi...Perlu membuat keputusan berdasarkan prinsip-prinsip ekonomi (*jingji guilu*), terutamanya prinsip nilai (*jiazhi guilu*)...Di bawah pemerintahan mutlak PKC, perlu memandang serius dalam menyelesaikan masalah campur tangan parti

---

<sup>112</sup> Cal Clark, "The Nature of Chinese Communist and the Prospects for Teng's Reform," Shaw Yuming (ed), *Mainland China: Politics, Economics and Reform* (Boulder: Westview Press, 1986), ms. 59.

terhadap urusan pentadbiran negara dan korporat-korporat (*dangzhengqi bufen, yidang daizheng, yizhengdaiqi*).<sup>113</sup>

Berkenaan dengan pembangunan di kawasan kampung pertanian, resolusi hanya mengarahkan supaya “Mesti menaikkan sikap aktif beratus-ratus juta petani kita, mesti prihatin terhadap kepentingan material mereka dan mesti menjamin hak demokrasi mereka dari segi politik.” Akan tetapi pada masa itu Mesyuarat Sesi Ketiga memutuskan Komun Rakyat masih perlu diteruskan. Unit minima dalam organisasi ini ialah pasukan pertanian dan bukan individu.<sup>114</sup> Para petani dilarang mengusahakan pertanian secara individu. Akan tetapi hakikat yang sebenarnya pada masa itu kebanyakan kampung pertanian yang berada di kawasan pedalaman sedang mengalami kebuluran yang serius. Sistem Pertanian Kolektif yang menujuhkan Komun Rakyat ternyata gagal meningkatkan daya produktif para petani. Mereka tidak begitu rela bertungkus-lumus untuk mengerjakan ladang kepunyaan awam. Akibatnya banyak usaha penjagaan bahan tanaman telah berabai. Namun pada tahap awal Deng melancarkan Dasar Reformasi Pasaran, beliau masih belum bercadang untuk membebaskan bidang pertanian daripada sistem terancangnya.

Satu lagi tumpuan Resolusi Mesyuarat Sesi Ketiga selain daripada reformasi Sistem Pentadbiran Kerajaan ialah penyemakan semula kes-kes penderhakaan terhadap parti. Sekumpulan bekas pemimpin negara yang dikelaskan sebagai anasir kanan telah dipulih semula nama baik mereka. Manakala Peristiwa Medan Tiananmen pada 5 April 1976 yang dikelaskan sebagai anti revolusi telah diidentifikasi semula sebagai satu

---

<sup>113</sup> Ma Licheng dan Ling Zhijun, *Jiaofeng: Dangdai Zhongguo Sanci Sixiang Jiesang Shilu* (Pertempuran: Rekod Benar Tiga Kali Usaha Pembebasan Pemikiran dalam China Semasa), ms. 84-88.

<sup>114</sup> Ibid, ms. 90.

tindakan patriotisme.<sup>115</sup> Pembatalan pengelasan anasir kanan telah membolehkan para pemimpin itu memulih semula jawatan-jawatan parti, kerajaan atau tentera masing-masing yang dipegang sebelum itu. Ini amat menguntungkan Deng Xiaoping kerana kuasa sokongan terhadap beliau akan semakin bertambah.

Dalam Zaman Revolusi Kebudayaan, ramai rakyat China pernah dikelaskan sebagai anasir kanan kerana berbeza pendapat dengan pihak pemerintah. Bilangan rakyat jelata yang menderita akibat daripada pengelasan ini lebih banyak lagi kerana ahli-ahli keluarga “anasir-anasir kanan” ini juga terasa kehinaan daripada masyarakat. Apabila pemimpin-pemimpin negara ini dibatalkan pengelasan anasir kanan, maka rakyat jelata yang senasib dengan mereka akan berasa lega kerana mereka boleh memohon untuk penyemakan semula pengelasan terhadap mereka. Oleh itu, nikmat keputusan ini sebenarnya telah membawa berkat kepada ramai orang.

Secara keseluruhannya, idea-idea pemerintahan Deng ini telah menunjukkan satu perbezaan yang ketara dengan idea-idea “Dua Semua” yang dikemukakan oleh Hua Guofeng. Dalam proses penukaran pemimpin tertinggi negara di China, tiada pilihanraya umum diadakan, malahan langsung tiada satu jawatan rasmi yang dapat mewakili kedudukan tersebut dengan sepenuhnya. Hubungan di antara kehendak majoriti rakyat dengan legitimasi pemerintahan PKC adalah tidak secara langsung tetapi berkaitan. Hua Guofeng boleh dipilih oleh pucuk pimpinan PKC yang tertinggi untuk menggantikan Mao tanpa merujuk kepada pandangan rakyat jelata, tetapi ketidakpuasan rakyat jelata

---

<sup>115</sup> Pada Shb April tahun 1976, rakyat China secara beramai-ramai pergi ke Medan Tiananmen untuk menyampaikan takziah kepada mendiang Zhou Enlai yang baru meninggal dunia. Di antara mereka itu ada yang menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap puak pemimpin “Geng Berempat”, secara tidak terduga akhirnya menjadi satu demonstrasi membantah kerajaan. Maka kerajaan PKC di bawah pimpinan Mao telah menghantar polis untuk menyuraukan demonstrasi tersebut secara kekerasan dan memutuskan insiden tersebut sebagai satu gerakan anti revolusi. Yan Jiaqi dan Gao Gao, *Wenhua Dageming Shinlan Shi* (Sejarah Sepuluh Tahun Revolusi Kebudayaan), ms. 802-820.

terhadap pimpinan Hua boleh membantu Deng mengambilalih kedudukan tersebut daripadanya. Contohnya Yu Guangyuan yang disebut pada awal bab ini pernah menceritakan perubahan situasi semasa yang berpaling memihak kepada Deng Xiaoping dalam mesyuarat kerja pusat yang diadakan sebelum Mesyuarat Sesi Ketiga. Ketika itu, Hua Guofeng yang mengarahkan supaya satu Mesyuarat Kerja Pusat diadakan untuk menyediakan agenda-agenda rundingan Mesyuarat Sesi Ketiga. Setentunya pada masa itu tujuan Hua adalah untuk mengukuhkan kedudukan beliau melalui mesyuarat-mesyuarat ini dengan mendapat sokongan penuh daripada para perwakilan pusat PKC. Namun situasi telah berubah di luar kawalan beliau. Penduduk yang terutamanya di bandaraya-bandaraya mengadakan demonstrasi dan “Dinding Demokrasi” (*mingzhu qiang*) mengkritik pengelasan Peristiwa Medan Tianmen 5 April 1976 sebagai satu kempen anti revolusi dan Deng Xiaoping tidak patut dipersalahkan dalam peristiwa tersebut. Yu telah memetik kenyataan Chen Yun pada masa itu berkata,

Sekarang terdapat suara batahan dikemukakan di bandaraya Beijing, malah teater “Tiada Terkata” (*yu wushengchu*) juga menyampaikan mesej ini, siaran radio juga menyiarkan sajak puisi revolusi yang memuji Peristiwa Medan Tiananmen. Ini ialah satu kempen yang mengucapkan takziah kepada mendiang perdana menteri Zhou Enlai, memprotes “Geng Berempat” dan membantah resolusi yang menyalahkan komrad Deng Xiaoping. Malah kebanyakan bandaraya di seluruh negara juga terdapat kempen sebegini. Pihak pusat (parti) patut memuji kempen ini.<sup>116</sup>

Dengan kempen-kempen demonstrasi ini, penyokong Deng berjaya mengubah pandangan para perwakilan pusat parti untuk memilih Deng Xiaoping sebagai pemimpin negara tertinggi yang baru.<sup>117</sup>

<sup>116</sup> Yu Guangyuan, *Wo Qinli de Naci Lishi Zhuanze: Shiyijie Sanzhong Quanhui de Taiqian Muhou* (Satu Babak Perganjakan Sejarah yang Pernah Saya Saksikan: Di Sebalik Tabir dan Depan Pentas Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Parti Kesebelas Sesi Ketiga), ms. 82.

<sup>117</sup> Gao Gao, *Hou Wengeshi: Zhongguo Zhiyouhua Chaoliu* (Sejarah Pasca Revolusi Kebudayaan: Arus Liberalisasi di China), ms. 206-208.

Oleh itu, Deng boleh disifatkan sebagai seorang tokoh politik yang mahir dalam percaturan politik. Teks ucapan yang disampaikan oleh beliau pada Mesyuarat Kerja Pusat itu boleh disifatkan sebagai satu manifesto yang cuba mengambil hati rakyat jelata untuk menyakinkan khalayak umum terhadap pemerintahannya. Akan tetapi idea-idea dalam teks ucapan itu bukanlah idea-idea yang baru. Deng telah mengemukakannya sejak awal 1960-an lagi semasa period pemulihan ekonomi selepas kempen "Melangkah Besar Ke Depan" .

### **3.3. Pembebasan Fikiran Dalam Bingkai Empat Prinsip Pengekalan: Hanya Kampung Pertanian Menyerlah**

Setelah Mesyuarat Sesi Ketiga diadakan, 1978 telah sampai ke penghujungnya. Dasar-dasar Deng hanya dimulakan pada awal 1979. Di sini terdapat empat perkara yang ingin dibincangkan untuk mengkaji reformasi sejauhmana yang Deng ingin lakukan pada jangkamasa ini. Lingkungan masa dalam tahap ini adalah di antara 1979 hingga 1982. Empat perkara ini ialah pengumuman "Empat Prinsip Pengekalan" , Dasar Penyelarasaran Ekonomi, Sistem Pertanian Tanggungjawab Diri dan Zon Ekonomi Istimewa. Keempat-empat perkara ini amat bersignifikasi dalam period atau fasa pertama pemerintahan Deng kerana masing-masing merupakan akibat serta-merta pelaksanaan idea-idea baru yang disyorkan oleh Deng dalam beberapa bidang yang utama.

#### **3.3.1. Empat Prinsip Pengekalan (*sixiang jianchi*)**

Semasa Mesyuarat Kerja Pusat diadakan, Deng menggunakan kedudukan beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri mengeluarkan kenyataan-kenyataan rasmi yang menyemarakkan aktiviti-aktiviti Dinding Demokrasi di Jalan Xidan, Beijing. Di

antaranya Deng pernah mengumumkan bahawa tidak akan mengambil tindakan terhadap pihak-pihak yang melekatkan poster pandangan pada Dinding Demokrasi itu walaupun poster-poster itu mengkritik kerajaan PKC.<sup>118</sup> Kenyataan-kenyataan sebegini dapat mewatakan imej Deng sebagai seorang pemimpin yang toleransi. Oleh itu, Hua Guofeng dan pemimpin penyokongnya yang mendominasi kuasa tertinggi negara telah dikritik dengan hebat.

Seperti yang ternyata terlebih dahulu, sokongan rakyat yang hangat ini telah membawa bahang kepada para ahli Jawatankuasa Pusat Parti yang datang menghadiri mesyuarat kerja tersebut. Maka ia nampaknya berkesan positif terhadap usaha Deng untuk mengambil alih kuasa pemerintahan tertinggi negara daripada Hua Guofeng. Namun setelah Deng berjaya menjadi pemimpin tertinggi negara, beliau mula merungut keghairahan para aktivis Dinding Demokrasi yang berkumpul di Jalan Xidan itu. “Terdapatnya kekecohan-kekecohan berlaku di beberapa tempat adalah diakibatkan oleh kempen demokrasi yang dianjurkan oleh golongan massa secara sukarela, kempenkempen ini telah keterlaluan.”<sup>119</sup> Pada 30 Mac 1979, Deng telah menyifatkannya sebagai satu angkara “segelintir anasir jahat” dan “kebanyakannya pemuda-pemudi yang naif” ,

Terdapat segelintir anasir jahat bukan sahaja tidak menerima bimbingan, saranan dan penjelasan daripada pemimpin parti dan kerajaan, malah mereka mengemukakan kehendak-kehendak yang langsung tidak dapat ditunaikan atau tidak rasional (kepada kerajaan), merosakkan aturan kerja, aturan pengeluaran dan susunan masyarakat dengan teruk sekali... Terdapat satu organisasi yang bernama “Unit Hak Asasi Manusia China” telah menampal satu poster pandangan yang menyeru presiden Amerika Syarikat ‘prihatin’ terhadap hak asasi manusia di China. Adakah kita membenarkan perbuatan

---

<sup>118</sup> Xu Xing, *Zhongguo Minkan de Jueqi he Zhengzha Tucun* (Kemunculan Majalah-majalah Penerbitan Rakyat dan Perjuangan untuk Terus Hidup) (Hong Kong: Hong Kong The Observer Publisher, 1980), ms.29.

<sup>119</sup> Gao Gao, *Hou Wengeshi: Zhongguo Ziyouthua Chaoliu* (Sejarah Pasca Revolusi Kebudayaan: Arus Liberalisasi di China), ms. 271.

yang meminta orang asing bercampur tangan dalam hal-hewal dalam negeri China secara terang-terang?<sup>120</sup>

Pada masa itu Deng baru sahaja disifatkan sebagai pemimpin PKC yang bersikap terbuka setelah lawatan rasminya ke Amerika Syarikat dan Jepun. Hu Yaobang yang baru dilantik sebagai Setiausaha Agung Pusat Parti pula sedang mengadakan Persidangan Perbincangan Fahaman Marxis-Leninis dan Maois (*lilun wuxu huiyi*) untuk menggalakkan pembebasan fikiran. Akan tetapi semasa upacara penutup, Deng telah mengumumkan “Ucapan Mengekalkan Empat Prinsip Asas” ( “*jianchi sixiang jiben yuanze*” ),

- 1.) Mesti mengekalkan haluan perjalanan sosialisme.
- 2.) Mesti mengekalkan diktaktorsip kelas proletariat.
- 3.) Mesti mengekalkan pimpinan PKC.
- 4.) Mesti mengekalkan fahaman Marxis-Leninis dan Maois.<sup>121</sup>

Isi kandungan pengumuman ini tidak banyak berbeza dengan teks ucapan Deng yang dilafazkan pada mesyuarat parti yang lalu. Hanya pada kali ini Deng dengan jelas sekali memaparkan had batasan toleransinya. Beliau mahu rakyatnya bebas berfikir di dalam satu rangka atau bingkai besar yang dinamakan sebagai Fahaman Marxis-Leninis dan Maois sahaja. Dengan garisan batasan ini, rakyat jelata baru tahu kebebasan fikiran yang dialu-alukan oleh Deng pada akhir 1978 itu mempunyai had dan kawasan larangannya. Jika mereka melampaui batasan tersebut, kerajaan PKC akan melayan mereka seperti penjenayah.

Pada hari sebelum Deng mengumumkan prinsip-prinsip pengekalan ini, kerajaan PKC telah menahan ramai aktivis yang masih aktif di Dinding Demokrasi dengan tuduhan “anti revolusi”. Kesalahan ini merupakan satu kesalahan yang amat berat

---

<sup>120</sup> Deng Xiaoping, *Deng Xiaoping Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Deng Xiaoping), jilid kedua, ms. 173-174.

<sup>121</sup> Ibid, ms. 164-165.

kerana ia bermaksud si pesalah itu melakukan penderhakaan terhadap negaranya. Senarai penangkapan ini termasuk Wei Jingsheng yang merupakan editor majalah "Pencarian" (*Tansuo*), Chen Lu sebagai editor majalah "Hak Asasi Manusia Bersekutu" (*Renquan Tongmeng*) dan ahli-ahlinya Ren Wanding, Li Wei, Guo Shuhua dan Gao Shan. Mereka menerbitkan majalah-majalah tanpa permit kerajaan dan giat dalam penyebaran pemikiran barat. Di antaranya banyak artikel yang mengkritik pemerintahan PKC dan Deng Xiaoping. Wei Jingsheng pernah menulis sebuah artikel yang bertajuk "Bidang Modernisasi yang Kelima: Demokrasi" , menyeru Deng menunaikan janjinya dalam menggalakkan kebebasan berfikir dan bersuara serta mengamalkan demokrasi berparlimen. Akan tetapi balasan Deng ialah menangkap Wei dan memenjarakannya seumur hidup.<sup>122</sup>

Dalam perkara ini, sebenarnya suara bantahan terhadap pemerintahan Deng datang daripada dua kumpulan aliran yang berasingan. Satu ialah aliran ahli-ahli intelek muda yang beraktiviti di Jalan Xidan. Mereka berasal daripada pelbagai lapisan masyarakat di mana ciri-ciri persamaan mereka ialah berminat untuk mendalami pengetahuan baru, prihatin terhadap nasib pembangunan negara dan meragui legitimasi pemerintahan PKC terhadap China secara serius. Manakala satu aliran lagi ialah mereka yang mempunyai kepentingan dalam period pemerintahan Mao dan Hua Guofeng. Mereka kebanyakannya merupakan pegawai kerajaan atau pemimpin parti di peringkat tempatan. Mereka ada yang mendapat jawatan sekarang melalui penyokongan terhadap Revolusi Kebudayaan, ada pula yang naik pangkat kerana menuju rakan sejawat atau

---

<sup>122</sup> Akhirnya Wei dibebaskan selepas tahun 1998 dengan cara "Rawatan sakit di luar negeri dengan ikat jamin" (*baowaijiuyi*). Maksudnya pada segi teorinya Wei masih belum tamat tempoh perpenjaraannya, tetapi dengan alasan mendapat rawatan di luar negeri, beliau dibenarkan pergi ke luar negeri. Oleh itu, beliau bebas melakukan apa sahaja di luar negeri, tetapi jika beliau balik ke tanah airnya, maka beliau akan dimasukkan ke penjara sekali lagi.

atasannya sebagai anasir kanan. Kini dengan bertukarnya corak pemerintahan parti dan orang-orang yang dianiyai itu sudah dipulihkan semula jawatan, mereka menyokong pimpinan Deng pada luarannya tetapi secara sulit mereka selalu cuba menggagalkan pelaksanaan dasar-dasar baru.<sup>123</sup>

Berhadapan dengan situasi sebegini, Deng tidak dapat bertolak-ansur lagi dengan terus mempelopori kebebasan berfikir dan bersuara. Dalam teks ucapan “Kekalkan Empat Prinsip Asas” itu juga, beliau mengelaskan mereka yang berada dalam aliran pertama yang disebut di atas itu sebagai “anasir kanan” dan aliran kedua sebagai “anasir ultra kiri” . Pihak kerajaan PKC yang dipimpin oleh beliau merupakan “kiri” yang merupakan pengikut Sosialisme yang sebenar, oleh itu kedua-dua pihak ini perlu disekat. Dalam teks tersebut juga dapat memperlihatkan keimbangan beliau terhadap gangguan kedua-dua pihak tersebut kepada perjalanan aktiviti-aktiviti ekonomi yang mula mengadakan penyelarasan sistem ekonomi di bawah pimpinan Mao dan Hua. Ini menjadi satu alasan lagi untuk Deng mempertahankan tindakan penangkapan aktivis-aktivis Dinding Demokrasi. Melalui peristiwa ini, suara bantahan terhadap pemerintahan Deng yang semakin merebak dan lantang mula reda pada tahun-tahun seterusnya. Maksudnya batasan kebebasan berfikir sebenarnya tidak boleh melampaui bingkai “Empat Prinsip Pengekalan” , kecuali bidang ekonomi.

### **3.3.2. Penyelarasan Ekonomi**

Pada 1978, didapati sejumlah 45 bilion Renminbi yang merupakan 40.7% daripada jumlah perbelanjaan negara telah dibelanjakan dalam pelaburan pembangunan

---

<sup>123</sup> Deng Xiaoping, *Deng Xiaoping Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Deng Xiaoping), jilid ketiga, ms. 393.

infrastruktur. Akan tetapi ini juga merupakan 36.5% daripada jumlah pendapatan rakyat China pada tahun tersebut.<sup>124</sup> Perkembangan ekonomi yang sedemikian telah menjaskan taraf hidup rakyat. Malahan berlakunya pembaziran dan kecuaian yang amat sangat kerana pengeluaran barang tersebut tidak mengikut permintaan pasaran sebenar.<sup>125</sup> Ketidakseimbangan perkembangan ekonomi ini juga dapat dilihat dalam pengagihan sumber bahan utama, belanjawan kerajaan, pinjaman dan imbangan pembayaran antarabangsa. Gejala ini menyebabkan kerajaan PKC menghadapi masalah defisit yang tinggi, hutang pinjaman asing yang berat dan taraf hidup rakyat yang sangat rendah.<sup>126</sup>

Sebenarnya gejala-gejala ini telah berlaku sejak Revolusi Kebudayaan lagi. Ia bertambah teruk lagi apabila Hua memperkenalkan Pelan Pembangunan Ekonomi Sepuluh Tahun. Dalam pelan itu, satu kelemahannya ialah idea-idea tersebut lebih bersifat berangan-angan. Contohnya Hua pernah mengumumkan hasrat untuk membuka sepuluh buah lagi tapak lombong minyak petroleum utama sebelum laporan cari gali tapak-tapak tersebut dibuat.<sup>127</sup> Jangkaan ini dibuat oleh Hua semata-mata beliau difahamkan pembangunan negara sedang kekurangan pembekalan petroleum.

Satu contoh lagi ialah jangkaan terhadap jumlah pelaburan untuk pelan tersebut. Ia dianggarkan adalah antara 350 bilion hingga 630 bilion dolar, tetapi pada masa itu jika menjumlahkan simpanan emas dan baki rezab perdagangan asing negara China serta 10% KDNK China sepanjang sepuluh tahun pun masih terdapat kekurangan 200 billion

<sup>124</sup> Jabatan Statistik Negara China, *Zhongguo Tongji Nianjian-1983* (Almanak Statistik China Tahun 1983) (Beijing: Penerbitan Jabatan Statistik Negara China, 1984), ms. 28.

<sup>125</sup> Dwight H. Perkins, "The Prospects for China Economic Reforms," A. Doak Barnett, dan Ralph N. Clough (ed), *Modernizing China: Post Mao Reform and Development*, ms. 40-41.

<sup>126</sup> China Agricultural Yearbook Compilation Committee, *China Agricultural Yearbook 1980* (Beijing: Agricultural Publisher, 1981), ms. 374.

<sup>127</sup> Cheng Chuyuan, "The Modernization of Chinese Industry," Richard Baum, (ed), *China's Four Modernization: The New Technological Revolution* (Boulder: Westview Press, 1980), ms. 26.

dolar.<sup>128</sup> Kerajaan Hua telah menjangka secara optimis bahawa kesan positif akan dicapai sebaik sahaja pelan itu dilancarkan, maka hasil pulangannya akan dilaburkan semula.

Jelas di sini kerajaan Hua masih meneruskan model pembangunan Soviet Union. Dalam model ini, industri berat ialah penggerak ekonomi utama. Pada masa yang sama, Hua juga berniat untuk melangkah besar ke depan. Jika mengharapkan pelan ini dapat memperbetulkan kepincangan dasar ekonomi yang dahulu, jawapannya ialah tidak.

Deng telah mengaku bahawa beliau tidak begitu mahir dalam aspek ekonomi. Sebaliknya beliau menaruhkan harapan terhadap Chen Yun yang dimasukkan ke Biro Politik Pusat Parti untuk menangani masalah ini. Chen pernah mengetuai satu bengkel pemulihan ekonomi pada tahun 1960-an setelah kempen "Melangkah Besar Ke Depan" mengalami kegagalan. Idea ekonomi Chen adalah menegaskan pengamalan dasar perbelanjaan berdasarkan kemampuan kerajaan.<sup>129</sup> Berkenaan dengan situasi ekonomi pada 1979 pula, Chen mencadangkan supaya mengadakan usaha penyelarasaran struktur ekonomi (*tiaozheng*) selama dua atau tiga tahun. Ekonomi perlu dipulihkan secara mantap dan mengikut kadar yang ditetapkan oleh kerajaan. Melalui campur tangan kerajaan, semua bidang ekonomi dapat dipulihkan dengan kadar pemulihan yang seimbang. Kerajaan juga mesti memastikan bahawa dasar-dasar ekonomi tidak selalu berubah-ubah.<sup>130</sup>

Dalam tempoh masa ini, kerajaan akan cuba mengurangkan gejala ketidakseimbangan dalam beberapa aspek. Aspek yang pertama ialah aspek pelaburan di

---

<sup>128</sup> Ibid, ms. 37.

<sup>129</sup> Chen Yun, *Chen Yun Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Chen Yun) (Beijing: Penerbitan Renmin, 1986), ms. 45.

<sup>130</sup> Ibid, ms.224.

bidang industri berat terlalu banyak dan bidang pertanian serta industri ringan terlalu kurang. Aspek yang kedua ialah jumlah pinjaman yang diberi lebih banyak daripada jumlah hutang yang langsai. Aspek yang ketiga ialah peluang pekerjaan yang jauh kekurangan berbanding dengan tenaga pekerja yang sedia ada. Aspek yang keempat ialah nilai barang import yang lebih banyak daripada nilai barang eksport. Melalui penyelarasan kerajaan ini, perbelanjaan kerajaan akan lebih diperuntukkan ke bidang yang dapat memperbaiki taraf hidup rakyat. Deng pada masa itu hanya memberi sokongan melalui kenyataan-kenyataan sahaja.<sup>131</sup> Beliau menaruhkan kepercayaan yang besar kepada Chen Yun.

Pada 27 Mac 1979, Jabatan Perdana Menteri menubuhkan satu Jawatankuasa Kewangan yang diketuai oleh Chen Yun untuk menjalankan kerja penyelarasan ekonomi. Melalui Chen mengambil balik kuasa perancangan dan pengawalan perkembangan ekonomi negara yang sebelum itu di tangan kerajaan tempatan. Pada April juga Chen berjaya mendapat sokongan sekalian pemimpin kerajaan tempatan untuk meluluskan dua belas prinsip dan panduan mengadakan penyelarasan. Di antaranya terdapat enam yang terpenting,

- 1.) Mempercepatkan pembangunan dalam bidang pertanian dan industri ringan.
- 2.) Mengutamakan pembinaan kemudahan-kemudahan yang dapat menggalakkan pertumbuhan sektor arang batu, elektrik, petroleum, pengangkutan dan bahan-bahan utama sektor perumahan dalam industri berat.
- 3.) Mengurangkan pembinaan infrastruktur dan projek-projek yang melibatkan mesin-mesin asing.
- 4.) Meningkatkan daya saing barang buatan China terhadap barang asing, meningkatkan eksport.
- 5.) Menyelaraskan harga barang yang tidak berpatutan.

---

<sup>131</sup> Fang Weizhong, *Zhonghua Renmin Gongheguo Jingji Dashiji* (Rekod Peristiwa-peristiwa Ekonomi Penting Negara Republik Rakyat China) (Beijing: Penerbitan Renmin, 1984), ms. 614.

6.) Menambahkan peluang pekerjaan, mengawal pertumbuhan populasi dan memperbaiki taraf hidup rakyat.<sup>132</sup>

Maka Chen dapat menurunkan banyak arahan membatalkan projek-projek yang dirasakan tidak perlu.<sup>133</sup> Akan tetapi tindakan-tindakan ini bermaksud bahawa kerajaan Deng mengamalkan pemusatan kuasa di tangan kerajaan pusat.<sup>134</sup> Keadaan ini boleh dilihat seperti pengamalan semula dasar-dasar pembangunan ekonomi model Soviet Union pada 1956.<sup>135</sup> Maka beliau telah memungkiri janjinya untuk melakukan disentralisasi kuasa kerajaan pusat.

Usaha-usaha tersebut pada 1979 dan 1980 tidak menampakkan apa-apa kesannya. Malah defisit jumlah pendapatan negara yang dicatatkan pada 1979 adalah lebih kurang 17 bilion Renminbi, jauh lebih besar daripada 8.2 bilion Renminbi defisit yang dicatatkan pada 1960 ketika kempen “Melangkah Besar Ke Depan”.<sup>136</sup> Peranan Chen Yun dalam period ini amat menyerlah sehingga dasar-dasar itu menampakkan pengaruhnya. Kuasa perancangan ekonomi di tangan kerajaan pusat bermaknanya sistem ekonomi ini masih merupakan model Soviet. Namun dasar ini lebih rasional seperti pelaburan yang lebih seimbang, tidak seperti Teori Penekan Utama (*Big Push Theory*) ilham Stalin. Dasar ini juga membenarkan pasaran bebas diamalkan dengan kawalan.<sup>137</sup> Nampaknya situasi

---

<sup>132</sup> Li Xiannian, “Zai Zhongyang Gongzuo Huiyi shang de Jianghua” (Berucapan di Bengkel Peringkat Pusat), *Shiyijie Sanzhong Quanhui Yilai Zhongyao Wenxian Xuanbian* (Dokumen-dokumen Terpilih Sejak Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Kesebelas Sesi Ketiga), ms. 37-39.

<sup>133</sup> Chen Mingxian, *Xin Zhongguo Sishinian* (Empat Puluh Tahun Negara China Baru) (Beijing: Penerbitan Gongren, 1989), ms. 350.

<sup>134</sup> Robert F. Dernberger, “Communist China’s Industrial Policies: Goals and Results,” Institute of International Studies dan Institute of East Asian Studies (ed) *Mainland China’s Modernization: Its Prospects and Problems* (Berkeley: University of California, 1981), ms. 160.

<sup>135</sup> Robert F. Dernberger, “Mainland China’s Economic System: A New Model of Variations on an Old Theme?” Shaw Yuming (ed) *Mainland China: Politic, Economic and Reform* (Boulder: Westview Press, 1986), ms. 338.

<sup>136</sup> Jabatan Statistik Negara China, *Zhongguo Tongji Nianjian-1983* (Almanak Statistik China Tahun 1983), ms. 445.

<sup>137</sup> Ibid, ms. 339.

ekonomi negara pada masa itu cukup tenat. Pada akhir 1980, Deng sekali lagi menyokong Belanjawan Negara 1981 yang mengamalkan Dasar Penyelarasian Ekonomi,

Kalau tidak melakukan penyelarasan secara serius, kita tidak akan dapat menjalankan pembangunan modenisasi secara lancar. Hanya melalui penyusutan pelaburan beberapa projek, barulah kita dapat memantapkan situasi keseluruhan dan seterusnya bertindak secara aktif, dapat mentransformasikan perkembangan ekonomi ke satu landasan yang sihat.<sup>138</sup>

Beliau pada masa itu betul-betul akur kepada situasi ekonomi semasa. Reformasi Pasaran tidak mampu dijalankan pada masa itu. Segala kerja reformasi dalam sistem ekonomi, pengurusan dan peraturan-peraturan yang pernah disebut dalam Resolusi Mesyuarat Sesi Ketiga memerlukan satu tempoh penyesuaian, tetapi ketenatan ekonomi negara tidak boleh menunggu tempoh penyesuaian tersebut berlalu. Hanya pada akhir 1981 penyelarasan ini, baru menampakkan hasilnya apabila defisit perbelanjaan kerajaan tahun itu telah menurun dengan mendadak.<sup>139</sup>

Bagaimanapun, kejayaan ini dapat dilihat dengan jelas sekali bahawa sifat totalitarian dalam model Soviet yang menyerlah. Model ini lebih menekankan pemusatkan kuasa di tangan kerajaan pusat untuk menjalankan pengagihan sumber pengeluaran. Oleh itu, walaupun cara ini secara langsung dapat menyelesaikan masalah ekonomi, tetapi cara pengurusan ini juga dituruti dengan sikap birokratisme dan pemusatkan kuasa yang kaku di pusat. Terdapat pandangan yang menyelar bahawa pemimpin-pemimpin RRC pada masa itu nampaknya lebih berniat untuk menjalankan

---

<sup>138</sup> Deng Xiaoping, *Deng Xiaoping Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Deng Xiaoping), jilid kedua, ms. 354.

<sup>139</sup> Jabatan Statistik Negara China, *Zhongguo Tongji Nianjian-1983* (Almanak Statistik China Tahun 1983), ms. 445.

modifikasi terhadap sistem ekonomi Soviet yang tradisional dan bukannya bercadang untuk menghindarkannya.<sup>140</sup>

### **3. 3. 3. Sistem Pertanian Tanggungjawab Diri**

Berkenaan dengan kegagalan pelaksanaan Dasar Reformasi Pasaran yang terpaksa digantikan dengan Dasar Penyelarasan Ekonomi pada 1979, Deng Xiaoping telah menamakan pemimpin-pemimpin sebelumnya sebagai punca. Oleh sebab penanganan masalah-masalah ekonomi yang dilakukan oleh mereka tidak profesional, maka tindakan penyelarasan ekonomi terpaksa disusuli oleh kerajaan Deng. Akan tetapi pelaksanaan tindakan ini tidak wajar kerana kuasa perancangan kerajaan sekali lagi terpaksa mendominasi dalam pembangunan ekonomi negara. Tindakan ini bercanggah sama sekali dengan seruan pembebasan fikiran dan penurunan kuasa yang dibuat oleh PKC pada Mesyuarat Sesi Ketiga. Oleh itu, apabila didapati dasar reformasi berjaya diamalkan di kawasan kampung pertanian, para pemimpin negara amat terperangsang.

Kampung pertanian merupakan kawasan yang merangkumi lebih kurang 80% daripada jumlah penduduk China. Aktiviti ekonomi yang utama di kawasan ini ialah menjalankan kerja pertanian.<sup>141</sup> Suasana hidupnya berbeza dengan kawasan bandar yang menjalankan aktiviti perdagangan, perusahaan dan perindustrian. Pada masa Revolusi Kebudayaan, kampung-kampung pertanian telah mengamalkan Sistem Komun Rakyat. Tujuan Mao mempelopori idea Komun Rakyat pada masa itu adalah supaya dapat mengelakkan berlakunya penindasan antara para pertani yang tidak sama rata pendapatan

---

<sup>140</sup> Robert F. Denberger, "The Domestic Economy and the Four Modernization Program," Atlantic Council (ed) *China Policy for the Next Decade*, (Boston: Oelgeschlager, Gunn and Hain, 1984), ms. 178.

<sup>141</sup> Xiao Donglian, *Jueqi yu Paihuai: Shinian Nongcun de Huigu yu Qianzhan* (Kebangkitan dan Kebuntuan: Pengimbasan Balik Sepuluh Tahun Perkembangan Kampung Pertanian di China dan Masa Depannya) (Henan: Penerbitan Renmin Henan, 1992), ms. 1.

di mana yang kaya terhadap yang miskin. Beliau berpendapat bahawa Sistem Petanian Kolektif ini juga boleh menggabungkan tenaga para petani untuk mengadakan projek-projek pengairan dan infrastruktur kawasan tanpa peruntukan kerajaan. Lebih-lebih lagi sistem ini membawa para penghuni kampung mula mempraktikkan kehidupan yang tanpa harta-benda persendirian, iaitu satu eksperimen hidup masyarakat Utopia Komunis di China.

Selepas penamatan Revolusi Kebudayaan pula, kerajaan Hua Guofeng masih belum terjaga daripada mimpi idaman Mao Zedong tersebut. Amalan Sistem Pertanian Kolektif, iaitu Sistem Komun Rakyat terus dikekalkan. Hua menyeru para petani mencontohi pengamalan sistem itu di kampung Dazhai.<sup>142</sup> Dalam Pelan Pembangunan Ekonomi Sepuluh Tahun, peruntukan kerajaan kepada sektor pertanian digunakan untuk membeli mesin-mesin pertanian dengan harapan supaya hasil pertanian dapat dipertingkatkan. Akan tetapi masalahnya ialah kerajaan tidak mampu memperuntukkan modal tersebut.<sup>143</sup> Mereka membuat pinjaman daripada negara asing tetapi tertipu dengan pembekalan mesin-mesin yang ketinggalan zaman atau terpakai. Pada 1977 China dilanda satu bencana kemarau yang buruk. Banyak kampung pertanian yang

---

<sup>142</sup> Immanuel C. Y. Hsu, *China Without Mao*, ms. 95. Kampung Dazhai merupakan sebuah kampung pertanian yang mengutamakan prinsip pergolakan kelas, mengamalkan komun rakyat yang sepenuhnya, menjalankan rancangan pertanian yang meluaskan kawasan pertanian berdasarkan semangat perjuangan dan tanpa menghiraukan sains ekologi. Pada zaman Revolusi Kebudayaan, oleh kerana Mao tertarik dengan kejayaan yang dicapai oleh kampung tersebut, beliau telah mengarahkan rakyat seluruh negara mencontohi sistem pentadbiran kampung tersebut. Namun selepas zaman Revolusi Kebudayaan, barulah kerosakan-kerosakan ekologi alam sekitar yang dilakukan oleh Kampung Dazhai diketahui ramai. Gao Gao, *Hou Wengeshi: Zhongguo Zlyouhua Chaolu* (Sejarah Pasca Revolusi Kebudayaan: Arus Liberalisasi di China), ms. 58.

<sup>143</sup> Ma Feng-hwa, "Agricultural Reform in Mainland China: Problems and Prospects," Shaw Yuming (ed) *Mainland China: Politics, Economics and Reform* (Boulder: Westview Press, 1986), ms. 450.

mengikuti rentak kampung Dazhai tidak dapat menuai hasil pertanian lantaran mengakibatkan kebuluran.<sup>144</sup>

Semasa Mesyuarat Sesi Ketiga diadakan, pihak pusat PKC dalam resolusinya telah menyeru orang ramai membebaskan fikiran, tetapi Sistem Pertanian Tanggungjawab Diri masih diharamkan. Tumpuan utama Reformasi Pasaran bagi pihak PKC pusat pada masa itu bukanlah di sektor pertanian. Oleh itu, pada mulanya kerajaan PKC membantah keras amalan pertanian persendirian. Amaran keras telah diturunkan untuk menghalang mereka berbuat demikian.<sup>145</sup>

Akan tetapi kebuluran yang semakin serius menyebabkan arahan larangan itu luput kesannya. Pada akhir 1978, pasukan pertanian kampung Liyuan di daerah Fengyang, wilayah Anhui telah bersetuju membahagikan tanah kepada ahli-ahli pasukannya untuk diusahakan masing-masing. Setiap isi rumah diberikan tanggungjawab untuk menentukan jenis bahan pertanian yang hendak ditanam.<sup>146</sup> Tindakan mereka ini adalah salah di sisi undang-undang pada masa itu. Akan tetapi hasil daripada pengamalan sistem ekonomi ini amat memberangsangkan. Seterusnya peristiwa ini tersebar luas, menyebabkan petani-petani di kawasan-kawasan lain seperti Sizhuan, Guizhou, Ganshu dan Henan turut mengikutinya.<sup>147</sup>

---

<sup>144</sup> Zeng Bijun dan Lin Muxi (ed), *Xin Zhongguo Jingjishi* (Sejarah Ekonomi China Baru) (Beijing: Penerbitan Jingji Ribao, 1990), ms. 297.

<sup>145</sup> Kenneth R. Walker, "Chinese Agriculture During the Period of the Readjustment, 1978-1983," *The China Quarterly*, no. 100 (December, 1984), ms. 783.

<sup>146</sup> Ma Feng-hwa, "Agricultural Reform in Mainland China: Problems and Prospects," Shaw Yuming (ed) *Mainland China: Politics, Economics and Reform*, ms. 453.

<sup>147</sup> Zeng Bijun dan Lin Muxi (ed), *Xin Zhongguo Jingjishi* (Sejarah Ekonomi China Baru), ms. 326. Selepas itu, amalan pertanian tanggungjawab sendiri terus diperluaskan ke seluruh negara. Didapati antara 1978 hingga 1982, purata pendapatan perkapita bagi setiap petani telah bertambah sebanyak dua kali ganda membandingkan pada masa yang sama purata pendapatan perkapita pekerja buruh dan kakitangan pejabat hanya meningkat 50% sahaja. Pada masa yang sama, bekalan barang keperluan kepada kawasan bandaraya amat cukup, taraf kehidupan rakyat juga dipertingkatkan sedikit. Jabatan Statistik Negara China, *Zhongguo Tongji Nianjian-1983* (Almanak Statistik China Tahun 1983), ms. 499. Zhang Jiamin, *Jianguo Yilai, 1949-1997* (Sejak Penubuhan Negara, 1949-1997), ms. 739.

Deng Xiaoping sehingga 1980 baru mengubah fikirannya dan menyuarakan sokongan. Dalam satu kenyataannya beliau berkata, Sistem Pertanian Tanggungjawab Diri ini masih dilaksanakan dalam lingkungan pasukan pertanian (iaitu peringkat paling atas dalam hierarki Sistem Komun Rakyat). Oleh itu, bermakna sistem ini masih dalam lingkungan pertanian kolektif. Sistem ini tidak bercanggah dengan ekonomi Sosialis.<sup>148</sup> Deng membuktikan pendiriannya yang amat anjal terhadap usaha pencarian untung rakyat jelata dalam bidang ekonomi. Perbuatan para petani di kampung Fengyang ini jika disifatkan sebagai satu perbuatan yang mengingkari "Empat Prinsip Pengekalan" sebenarnya pun tidak salah. Menurut pengalaman seorang wartawan China Yang Zhisheng, selepas petani Kampung Fengyang mengadakan Sistem Pertanian Tanggungjawab Diri, ramai pemimpin parti pelbagai peringkat telah menyuarakan bantahan terhadap perbuatan mereka. Ada daripada mereka menyifatkan perbuatan itu ialah "susah-payah berusaha (mencapai matlamat Komunis) selama tiga puluh tahun, sekarang dengan sekelip mata terus berundur ke masa sebelum Zaman Pembebasan (China)".<sup>149</sup> Dalam situasi demikian, hanyalah sokongan Deng yang mampu membenarkan situasi itu terus berkembang secara positif.

Menerusi perkembangan-perkembangan ini, ternyata idea-idea yang dicadangkan semasa Revolusi Kebudayaan tidak dapat berfungsi lagi. Yang paling menonjol ialah kedudukan Komun Rakyat. Walaupun pihak kerajaan pusat tidak menurunkan arahan untuk membubarkan Komun Rakyat, tetapi fungsi utamanya yang menyelaraskan segala urusan hal-ehwal di sesuatu kawasan tidak dapat dimainkan.

---

<sup>148</sup> Deng Xiaoping, *Deng Xiaoping Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Deng Xiaoping), jilid kedua, ms. 316.

<sup>149</sup> Yang Zhisheng, *Deng Xiaoping Shidai* (Era Deng Xiaoping) (Beijing: Central Compilation and Translation Press, 1998), ms. 182.

Pemusatan kuasa di semua bidang ke atas tangan kader-kader tempatan tidak dapat dilaksanakan lagi. Terutamanya dalam hal-hal pertanian, para petani boleh menentukan sendiri apa yang perlu ditanam dan bagaimana menanam. Mereka juga tidak mahu makan di kantin awam dan mendirikan dapur di rumah sendiri. Akhirnya para pegawai kerajaan tempatan telah memohon kepada kerajaan pusat supaya dipulihkan kerajaan tempatan peringkat mukim dan kampung untuk melaksanakan fungsi-fungsi kerajaan tempatan yang lain.

Berikutan dengan perkembangan ini, didapati kampung-kampung pertanian ini memerlukan pelbagai jenis perindustrian kecil untuk memproses hasil pertanian yang semakin bertambah. Oleh itu, maka munculan industri-industri pekan. Industri-industri pekan ini biasanya ialah industri ringan, pengangkutan, perkhidmatan dan perniagaan. Dengan munculnya industri-industri pekan ini, masalah penghijrahan penduduk kawasan kampung pertanian ke kawasan bandaraya pada masa itu dapat dikurangkan. Peratusan tenaga buruh yang terlibat dalam bidang pertanian di China telah dikurangkan sedikit tetapi masih terdapat lebih daripada 70%.<sup>150</sup>

Deng amat terperanjat terhadap perkembangan tersebut.<sup>151</sup> Beliau sendiri telah mengaku bahawa para petani yang secara inisiatif berjaya membawa wajah yang baru kepada kawasan kampung pertanian.<sup>152</sup> Berikutan daripada perkembangan rancak pertanian Sistem Tanggungjawab Diri, satu hala ekonomi kepelbagaian semakin terbentuk. Perkembangan ini amat menggalakkan pembentukan satu pasaran bebas untuk menjalankan aktiviti pengagihan bahan mentah dan barang hasil oleh pelbagai pihak.

<sup>150</sup> K. C. Yeh, "Macroeconomic Changes in the Chinese Economy During the Readjustment," *The China Quarterly*, no. 100 (December, 1984), ms. 713.

<sup>151</sup> Wen Lequn, *Deng Xiaoping yu Dangdai Zhongguo* (Deng Xiaoping dan China Semasa) (Fujian: Penerbitan Renmin Fujian, 1993), ms. 152-153.

<sup>152</sup> Ibid, ms. 242.

Dalam pada itu, pihak kerajaan hanya sekadar memberi kebebasan kepada mereka. Tetapi pada hakikatnya, pelopor reformasi di kampung pertanian bukanlah Deng, tetapi para petani. Namun Deng pula yang dapat nama baik sebagai pemimpin toleransi yang membenarkan mereka berbuat demikian.

### **3.3.4. Penubuhan Zon Ekonomi Istimewa**

Sebagai seorang pemimpin pragmatis, fikiran Deng amat terbuka dalam kes penubuhan Zon Ekonomi Istimewa. Pada April 1979, pemimpin Wilayah Guangdong dan Fujian memohon untuk melonggarkan peraturan-peraturan kemasukan orang asing dan pelaburan mereka ke dua wilayah tersebut. Sebab kedua-dua wilayah tersebut terletak di kawasan pinggir pantai selatan China yang memainkan peranan sebagai pusat kemasukan modal asing. Deng sendiri telah meneliti permohonan itu dan kebenaran telah diberi dengan lebih daripada apa yang diminta. Beliau bercadang mengadakan satu Zon Ekonomi Istimewa (*Jingji Tequ*) di sana.<sup>153</sup>

Zon Ekonomi Istimewa yang dimaksudkan di sini ialah satu zon kawasan yang dibangunkan sebagai pusat pengeluaran barang ekspor. Zon-zon ini dibenarkan mengamalkan sistem ekonomi yang lebih bebas, iaitu campur tangan pihak kerajaan pusat amat kurang, dan pelabur asing mempunyai kebebasan melabur yang lebih besar. Perhitungan bagi Deng untuk menubuhkan zon-zon ini adalah menggunakan sebagai “jendela” yang membawa masuk teknologi, sistem pengurusan, pengetahuan dan dasar luar.<sup>154</sup> Bagaimanapun, beliau juga tidak menafikan kepentingannya untuk membawa

---

<sup>153</sup> Lawrence C. Reardon, “Learning How to Open the Door: A Reassessment of China’s ‘Opening’ Strategy,” *The China Quarterly*, no. 185 (September, 1998), ms. 508.

<sup>154</sup> Deng Xiaoping, *Deng Xiaoping Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Deng Xiaoping), jilid kedua, ms. 468-469.

masuk modal asing. Beliau mengibaratkannya dengan Pekan Yan'an yang dijadikan sebagai ibu pusat rejim PKC semasa Perang Dunia Kedua. Maksud beliau ialah kalau dalam situasi yang terdesak, orang Komunis boleh membuat sesuatu penyesuaian supaya dapat berlepas daripada kebuntuan.<sup>155</sup>

Dengan sokongan kuat daripada Deng, idea ini telah direalisasikan pada Mac 1980. Empat lokasi iaitu Shenzhen, Zhuhai, Shantou dan Xiamen telah dipilih sebagai Zon Ekonomi Istimewa.<sup>156</sup> Pada masa permulaannya, kebanyakan pelabur asing yang hadir telah bekerjasama dengan modal tempatan dalam menjalankan projek yang berintensifkan buruh atau sektor perumahan.<sup>157</sup> Majoritinya pelabur asing ini ialah pelabur dari Hong Kong dan Macau serta Taiwan, iaitu kawasan-kawasan yang berjiran dengan zon-zon tersebut.<sup>158</sup> Lewis berpendapat bahawa wilayah-wilayah pinggir laut ini berfungsi sebagai “enjin pembangunan China” kerana transformasi teknologi dan modenisasi lebih giat diperkembangkan di sini, perdagangan hanya merupakan salah satu bahagian kepada pencapaian tersebut.<sup>159</sup>

Penubuhan zon-zon ini juga menampakkan Deng dan pengikutnya amat berhati-hati. Sebab idea ini sangat mudah didakwa sebagai satu tindakan yang membawa masuk Sistem Ekonomi Kapitalisme. Pembukaan sebuah zon yang dibentengkan dengan pagar sempadan ini dapat menghindarkan eksperimen ini membawa pengaruh yang secara langsung kepada kawasan lain di China. Dari satu segi lagi, zon yang mendapat layanan

<sup>155</sup> Guo Anmin, *Bashi Niandai Zhonggong Gaigeai zhi Xingqi yu Bianjian* (Kebangkitan dan Perubahan Puak Reformasi dalam PKC pada Tahun 1980-an), ms. 143.

<sup>156</sup> Zhou Wenzhang, *Tequ Daolun* (Pengenalan dan Perbincangan Terhadap Zon Ekonomi Istimewa) (Hainan: Penerbitan Hainan, 1995), ms. 5.

<sup>157</sup> Samuel P. S. Ho dan Ralph N. Huenemann, (ed) *Modernizing China: Post Mao Reform and Development* (Boulder: Westview Press, 1982), ms. 57-66.

<sup>158</sup> Robert Kleinberg, *China's "Opening" to the Outside World: The Experiment with Foreign Capitalism* (Boulder: Westview, 1990), ms. 51.

<sup>159</sup> W. Arthur Lewis, *The Evolution of the International Economic Order* (Princeton: Princeton University Press, 1978), ms. 59.

istimewa kerajaan ini telah meningkatkan pendapatan penduduknya berbanding dengan kawasan lain. Ia sememangnya selaras dengan cadangan Deng bahawa biarkan sebahagian rakyat negaranya kaya terlebih dahulu.

Secara keseluruhannya, sehingga 1982, corak pemerintahan Deng telah ternyata jelas. Beliau hanya berminat untuk melakukan reformasi di bidang ekonomi, kebebasan berfikir dan bertindak telah diberi sebanyak yang boleh, asalkan ekonomi negara mendapat pencapaian yang positif. Beliau merasa bahawa politik sebagai satu faktor penting untuk kemantapan masyarakat. Hanya masyarakat yang mantap dapat mengadakan semua perkembangan aktiviti ekonomi. Lagipun PKC sebagai sebuah parti yang "terbukti" sebagai parti pemerintah yang terbaik, maka reformasi di bidang politik tidak akan dijalankan, sebaliknya "Empat Prinsip Pengekalan" telah diumumkan sebagai garis panduan supaya rakyat jelata tidak melampaui batasan "anti revolusi".

### **3.4. Deng Mengaturkan Kumpulan Pemimpin Penggantinya**

Pada akhir Ogos 1980, Deng Xiaoping menerima satu wawancara dengan seorang wartawan Itali.<sup>160</sup> Dalam wawancara tersebut, si wartawan barat itu telah mengemukakan beberapa soalan yang agak sengit terhadap Deng. Soalan-soalan tersebut nampaknya sangat berguna untuk kita mengetahui pandangan Deng pada masa itu. Di antaranya berkenaan dengan Mao Zedong. Beliau masih menganggap sumbangan Mao terhadap negara adalah lebih besar daripada sumbang sendiri. Bagaimanapun, beliau tidak setuju dengan sesetengah perbuatan Mao seperti memilih penggantinya dengan ikut budi

---

<sup>160</sup> Berkenaan isi kandungan sepenuhnya wawancara tersebut, sila rujuk kepada Deng Xiaoping, *Deng Xiaoping Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Deng Xiaoping), jilid kedua, ms. 344-353.

bicaranya sendiri. Deng menyifatkan perbuatan ini sebagai “satu perbuatan yang bercorak zaman sistem feudal”.<sup>161</sup>

Sememangnya soal pemimpin pelapis penting untuk dibincangkan apabila Dasar Reformasi Pasaran berjaya dijalankan. Oleh itu, selepas Mesyuarat Sesi Ketiga berakhir, Deng telah mula berusaha menentukan penggantinya. Pada 1979, beliau pernah meluahkan keinginan untuk berundur,

Keluasan sebuah tokong sebesar mana pun ada hadnya, maka bilangan patung-patung Buddha yang boleh disembah di dalam tokong pun ada hadnya. Jika (pemimpin) yang veteran tidak bersara, tentu (pemimpin) yang muda tidak dapat masuk (ke pucuk pimpinan), ini ialah satu perkara yang lumrah.<sup>162</sup>

Pandangan Deng ini menunjukkan kelainan beliau dengan pemimpin-pemimpin PKC yang sebelumnya iaitu beliau sanggup bersara dan bukan memegang jawatan-jawatan kerajaan, parti dan tentera sehingga meninggal dunia. Namun tindakan Deng ini juga boleh disifatkan sebagai mengamalkan “perbuatan yang bercorak sistem feudal” seperti apa yang beliau perkatakan tentang Mao. Berkenaan dengan tindakan ini, Deng ada penjelasannya sendiri. Alasan yang pertama sekali ialah ini merupakan keputusan pimpinan kolektif. Alasan yang kedua pula ialah keadaan negara yang baru memulakan dasar reformasi memerlukan kemantapan masyarakat untuk pertumbuhan ekonomi yang positif.

Dapat dilihat bahawa Deng lebih menegaskan “pimpinan kolektif” iaitu beliau menjelaskan kuasa pemutus yang muktamad terletak di tangan ahli-ahli Biro Politik Pusat Parti atau ahli Jawatankuasa Tetap Pusat Parti. Maka pemimpin pengganti yang dilantik juga merupakan sekumpulan pemimpin (*lingdao banzi*) dan bukan hanya orang-

---

<sup>161</sup> Ibid, ms. 347.

<sup>162</sup> Ibid, ms. 193.

perseorangan. Di antaranya Hu Yaobang dilantik sebagai Setiausaha Agung Pusat pada Mesyuarat Biro Politik Pusat Parti sebaik sahaja Mesyuarat Sesi Ketiga diadakan. Kemudian pada awal September 1980, Perdana Menteri Hua Guofeng meletakkan jawatan dan digantikan oleh seorang pemimpin kesukaan Deng, Zhao Ziyang. Dalam institusi-institusi propaganda dan kajian ideologi parti pusat, Deng meletakkan beberapa pemimpin segenerasi dengannya menduduki jawatan penting di sana. Contohnya Hu Qiaomu telah menyandang jawatan Setiausaha Pejabat Setiausaha Pusat Parti, Pengarah Pejabat Pengkajian Dokumen Pusat Parti dan Pejabat Pengkajian Sejarah Pusat Parti serta Akademi Sains Sosial China. Hu pernah berkhidmat sebagai penasihat Mao Zedong dan semasa Deng merebut kuasa dengan Hua, beliau turut merupakan salah seorang penulis teks ucapan Deng.<sup>163</sup> Seorang tokoh lagi ialah Deng Liqun yang menjawat jawatan Menteri Propaganda Pusat Parti. Beliau pernah berkhidmat dengan Liu Shaoqi sebagai setiausahaannya.<sup>164</sup> Kedua-dua tokoh ini pada akhir 1970-an merupakan penyokong setia kepada Deng Xiaoping.

Perkara yang menyesalkan ialah dalam wawancara yang tersebut di atas itu juga, Deng pernah menyatakan beliau dan sekalian pemimpin senior akan berundur bersama-sama. Akan tetapi apabila Hua meletakkan dua jawatan tinggi beliau yang terakhir pada 1981, iaitu Pengurus Parti dan Pengurus Jawatankuasa Ketenteraan Pusat Parti, Deng pula sebagai “pengganti” nya menyandang jawatan Pengurus Jawatankuasa Ketenteraan.

---

<sup>163</sup> Nota Akhir, Deng Xiaoping, *Deng Xiaoping Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Deng Xiaoping), jilid kedua, ms. 440.

<sup>164</sup> “Glossary of Dramatis Personae”, Ruan Ming, *Deng Xiaoping: Chronicle of an Empire* (Boulder: Westview Press, 1993), ms. 254.

Jika dianalisis tentang penyusunan semula jawatan-jawatan tinggi negara dan parti ini, boleh dikatakan Hu Yaobang sedang “dilatih” untuk menjadi pemimpin nombor satu dalam parti, manakala Zhao Ziyang juga “memimpin sambil belajar” untuk menjadi pemimpin tertinggi dalam kerajaan eksekutif. Deng pula menguasai jawatan Pengerusi Jawatankuasa Ketenteraan sebagai “mentor” kepada kedua-dua orang “pelajar” nya. Sekiranya berlaku apa-apa masalah yang tidak dapat ditangani oleh mereka dalam tempoh “latihan kepemimpinan” ini, Deng boleh memobilasikan kuasa ketenteraannya untuk memantapkan keadaan.

Perlu ditambah di sini bahawa, satu perubahan dalam kuasa pemantauan perkembangan ekonomi telah dipindah daripada tangan Chen Yun kepada Zhao Ziyang selepas Zhao dilantik sebagai Perdana Menteri. Didapati antara 1981 dan 1982, timbulnya perbezaan antara pandangan Deng dan Chen terhadap perkembangan ekonomi dalam dua tahun yang akan datang. Chen Yun menyifatkan sikap kerajaan PKC pada masa itu,

Kita mesti mengadakan reformasi, tetapi langkah kita mesti mantap. Sebab reformasi di negara kita mempunyai masalah-masalah yang rumit, tidak boleh gopoh-gapah. Reformasi sememangnya perlu berdasarkan kajian teori, statistik ekonomi dan ramalan ekonomi, tetapi yang lebih penting ialah mula dengan mengadakan eksperimen, kemudian dengan serta-merta menimba pengalaman, iaitu satu cara “menyeberangi sungai dengan memijak batu satu demi satu” (*mozhe shitou guohe*). Pada mulanya berhati-hati, beransur-ansur.<sup>165</sup>

Akan tetapi bagi Deng Xiaoping, pandangannya sudah berubah setelah kampung pertanian mencapai kejayaan,

Reformasi dan pembukaan mesti berani sedikit, berani mencuba, tidak boleh seperti orang perempuan (pada zaman tradisional) yang berkaki bantut. Apabila rasa betul, terus pergi cuba secara berani, terus mengharungi secara berani... kalau membuat apa jua

---

<sup>165</sup> Ye Yonglie, *Chen Yun Quanzhuan* (Biografi Penuh Chen Yun) (Hong Kong: Penerbitan Mingbao, 1995), ms. 262.

perlukan ketepatan seratus-peratus, langsung tidak ada kesilapan, siapa berani membuat jaminan yang sebegini? <sup>166</sup>

Kenyataan ini menunjukkan Deng mula tidak sabar dengan kelajuan penyelarasan ekonomi yang disifatkan sebagai “orang perempuan yang berkaki bantut”, maksudnya langkahnya kecil dan lambat. Akan tetapi ungkapan “menyeberangi sungai dengan memijak batu satu demi satu” ini seterusnya juga dipakai oleh Deng. Maksud Deng di sini pula ialah menyifatkan PKC “menyeberangi sungai” tetapi tanpa rujukan dahulu. Iaitu Chen yang menegaskan pentingnya “batu” untuk memantapkan langkah, Deng yang merasakan “menyeberangi sungai” lebih penting. Kedua-dua pemimpin veteran ini sama sehaluan ingin “menyeberangi sungai”, tetapi Chen juga sayang terhadap “batu-batu” (nilai-nilai atau idea-idea Fahaman Marxis-Leninis dan Maois) yang membantu mereka, beliau mahu kelajuan itu diperlahangkan sedikit supaya “batu” itu masih dapat dipijak.

Namun yang perlu ditegaskan sekali lagi ialah perbezaan pendapat kedua-dua pemimpin veteran ini lebih tertumpu di bidang ekonomi. Pada bidang politik pula, sebenarnya mereka lebih serasi pendapat. Contohnya dalam idea “Empat Prinsip Pengekalan” yang dikemukakan oleh Deng itu, Chen tidak membantah. Satu lagi contoh yang membuktikan kenyataan di atas ialah pada Oktober 1980, seorang pengkaji sistem politik PKC Liao Gailong mengemukakan satu buku cadangan yang bernama “Reformasi Gengshen”. Buku itu bercadang supaya menjadikan dewan perhimpunan agung rakyat sebagai badan perundangan yang lebih berkuasa dan demokrasi. Deng menolak cadangan tersebut.<sup>167</sup> Sememangnya ini bukan apa yang diidamkan oleh Deng.

---

<sup>166</sup> Deng Xiaoping, *Deng Xiaoping Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Deng Xiaoping), jilid ketiga, ms. 372.

<sup>167</sup> Mu Fu, *Deng Xiaoping de Zhongguo* (China di Bawah Pimpinan Deng Xiaoping), ms. 23.

Beliau masih mahu PKC memerintah sebagai sebuah parti pemerintah tunggal yang tidak boleh dicabar, tetapi mampu boleh memajukan negara. Oleh itu, beliau berpendapat reformasi dalam sistem politik mesti bertolak dari aspek berikut,

Kalau ditinjau dari segi sistem pemerintahan parti dan negara, kelemahannya yang paling utama ialah birokratisme, kuasa terlalu dipusatkan, sifat patrikal (*jiazhang zhi*), sistem perjawatan seumur hidup dan pelbagai jenis penyalahgunaan kuasa.<sup>168</sup>

Inilah aspek-aspek yang Deng rasai perlu direformasikan dalam bidang politik China. Sebelum itu, pada Jun 1980, Jawatankuasa Disiplin Pusat PKC telah meluluskan resolusi memansuhkan sistem perjawatan seumur hidup, tindakan mendewa-dewakan pemimpin, kronisme dan ketiadaan kebebasan bersuara.

Satu lagi aspek yang Deng prihatin dalam reformasi sistem politik ialah sistem pemilihan wakil perhimpunan agung peringkat tempatan. Pada 1980, pilihanraya secara bertanding terhadap perwakilan perhimpunan agung rakyat di peringkat mukim diperluaskan ke peringkat daerah.<sup>169</sup> Bagaimanapun, menurut pemerhatian Doak Barnett, di kebanyakan tempat, kader tempatan masih memanipulasi proses pilihanraya tersebut, oleh itu, jika dilihat dari perspektif demokrasi barat, “(perubahan tersebut) tidak secara akar-umbinya.”<sup>170</sup>

### **3.5. Deng Menangani Gejala-Gejala Buruk Selepas Dasar Reformasi Pasaran Dilancarkan**

Secara keseluruhan, setakat awal 1983, Dasar Reformasi Pasaran berjalan agak lancar. Namun pada masa itu juga munculnya kesan-kesan sampingan pelaksanaan dasar

<sup>168</sup> Deng Xiaoping, *Deng Xiaoping Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Deng Xiaoping), jilid kedua, ms. 327.

<sup>169</sup> Menurut sebuah laporan rasmi yang telah diumumkan pada bulan Ogos tahun 1981, terdapat 2,368 buah daripada 2,756 buah daerah telah berjaya menjalankan pilihanraya tersebut. Gao Gao, *Hou Wengeshi: Zhongguo Zhiyouhua Chaoliu* (Sejarah Pasca Revolusi Kebudayaan: Arus Liberalisasi di China), ms. 438.

<sup>170</sup> A. Doak Barnett, “Ten Years after Mao,” *Foreign Affairs* (1986), ms. 44.

reformasi pasaran. Di antaranya seperti nilai materialistik yang semakin popular, kes-kes jenayah yang semakin banyak dan serius, kawalan harga jual-beli barang pertanian oleh kerajaan menyebabkan pendapatan petani tidak meningkat, jurang pendapatan rakyat yang terlalu ketara, isu penjagaan alam sekitar terabai serta populasi penduduk bertambah dengan mendadak.<sup>171</sup>

Deng telah difahamkan tentang masalah-masalah ini. Di antaranya beliau lebih khuatir ialah peningkatan kes-kes jenayah yang semakin serius dan banyak,

Di antaranya ada yang merupakan perbuatan anasir anti revolusi, ada pula merupakan balas dendam daripada sindiket Lin Biao dan “Geng Berempat”, ada pula angkara anasir-anasir jahat, ada pula ialah tindakan sisa-baki kelas Burjuis dan ada pula ialah pencerobohan rakyat yang diresapi corak Feudalisme dan Kapitalisme...kalau tidak tegas menanganinya secara segera dan dibezakan, sebaliknya membiarkan pelbagai jenis masalah itu merebak dan bergabung, ia akan mengakibatkan malapetaka yang besar terhadap situasi aman dan bersatu.<sup>172</sup>

Kerajaan PKC cuba menangani masalah ini satu dengan membenarkan semula orang ramai mengadakan pekerjaan dalam perniagaan runcit, restoran, kerja-kerja pembaikian, pembinaan secara upah-diri (sebelum itu sejak 1955 lagi Mao telah mengarahkan sektor-sektor tersebut dihakmiliknegarakan) supaya mereka dapat mendapat keuntungan sendiri. Sehingga akhir 1984 bilangan orang yang terlibat dalam sektor-sektor tersebut mencecah 380,000 orang,<sup>173</sup> tetapi ramai yang masih miskin-papa sehingga berani melakukan kes-kes jenayah. Maka dari satu segi lagi kerajaan PKC memberi arahan supaya mengadakan satu kempen pembasmian kes-kes jenayah secara besar-besaran dan hukuman berat dikenakan.

---

<sup>171</sup> Ma Feng-hwa, “Agricultural Reform in Mainland China: Problems and Prospects,” Shaw Yuming (ed) *Mainland China: Politics, Economics and Reform*, ms. 454-459.

<sup>172</sup> Deng Xiaoping, *Deng Xiaoping Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Deng Xiaoping), jilid kedua, ms. 370.

<sup>173</sup> Jabantan Statistik Negara China, *Zhongguo Tongji Nianjian-1984* (Almanak Stastistik China Tahun 1984) (Beijing: Penerbitan Jabatan Statistik Negara China, 1985), ms. 235.

Sementara itu, Deng Xiaoping juga mendapat laporan daripada Hu Qiaomu dan Deng Liqun berkenaan kecenderungan berfikiran sesat dari Fahaman Marxis-Leninis dan Maois di bidang sastera, kajian ideologi dan media massa. Beliau sendiri pun memerhati perkembangan di bidang-bidang tersebut sejak 1979. Kerisauan beliau jelas terpapar dalam kenyataan di bawah ini,

Kita berada dalam satu situasi yang lemah dan tidak teratur, ada apa-apa kecenderungan yang silap kita tidak berani mengkritik, jika mengkritik pula disalahkan sebagai penuduhan sebarang... Pada masa akan datang kita tidak akan mengadakan kempen anti anasir kanan, tetapi menghadapi pelbagai jenis kecenderungan sesat (kita) mesti mengkritik secara serius.<sup>174</sup>

Deng tidak puas hati melihat seruan bebas berfikir mengakibatkan orang ramai bebas berfikir tentang apa sahaja. Keadaan itu menaikkan semula ingatan beliau terhadap Kempen Anti Anasir Kanan pada 1957. Pada masa itu Mao menyeru orang ramai bebas mengkritik pemerintahan PKC secara terbuka, tetapi akhirnya kritikan-kritikan itu terlalu sensit sehingga Mao mengadakan Kempen Anti Anasir Kanan tersebut menuduh para pengkritik sebagai anasir kanan.<sup>175</sup> Walaupun kini beliau berjanji tidak akan mengadakan kempen tersebut, tetapi kecenderungan fikiran sesat itu pun bukanlah "bebas berfikir" namanya bagi Deng Xiaoping. Maka pada 1982 tindakan Hu Yaobang mengadakan satu kempen pengemaskini ahli parti,<sup>176</sup> nampaknya dapat membayangkan kekhawatiran Deng tersebut.

Bukan begitu sahaja, pada 12hb Oktober 1983 Deng Xiaoping telah membuat satu ucapan yang bertajuk "Tugas Mutakhir Parti di Medan Perang Organisasi dan

<sup>174</sup> Deng Xiaoping, *Deng Xiaoping Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Deng Xiaoping), jilid kedua, ms. 389.

<sup>175</sup> Deng Xiaoping sendiri telah mengaku kempen tersebut telah keterlaluan. *Ibid*, ms. 389.

<sup>176</sup> Menurut pengelasan parti pusat, kempen tersebut akan menyingkir tiga jenis ahlinya keluar dari parti. Mereka yang mengertak kerajaan, memulaukan haluang perjuangan parti yang baru dan yang terlibat dalam jenayah kolar putih merupakan tiga jenis tersebut. Bagaimanapun, kesannya tidak menyerlah. Zhang Jiamin, *Jianguo Yilai, 1949-1997* (Sejak Penubuhan Negara, 1949-1997), ms.723. Bo Yibo, *Zhendang yu Dang de Jianshe* (Pengemaskinan Parti dan Pertumbuhan Parti Komunis China) (Beijing: Pejabat Pengajian Sejarah Pusat PKC, 1988), ms. 332.

"Pemikiran" (*dang zai zuzhi zhanxian he sixiang zhanxian de poqie renwu*). Dalam ucapan ini beliau secara rasminya mengisyiharkan "perang" terhadap "pencemaran pemikiran" (*jingshen wuran*) yang sedang meleluasa di China,

Sebab dalam masyarakat kita masih ada anasir jahat, masih ada "sisa masyarakat" zaman lama dan "sisa masyarakat" zaman baru, masih ada anasir anti Sosialisme, masih ada pengintip negara asing dan Taiwan. Taraf hidup dan taraf tamadun belum cukup tinggi, ...kalau kita membincangkan sifat manusia tanpa menghiraukan situasi semasa dan tugas semasa, maka ini bukanlah sifat manusia yang realiti tetapi secara abstrak, ini bukan Fahaman Marxis, orang muda akan dibawa ke perjalanan yang pincang.<sup>177</sup>

Berdasarkan ucapan Deng itu, mesyuarat tersebut meluluskan resolusi untuk mengadakan Kempen Pembasmian Pencemaran Pemikiran (*qingli jingshen wuran yundong*). Dua sasaran utama yang ingin dibanteras oleh kempen tersebut ialah peresapan Fahaman Kapitalisme dan pemikiran lucah.<sup>178</sup>

Akan tetapi Hu Qiaomu dan Deng Liqun yang ambil peluang itu masing-masing telah berucap untuk membidas ahli-ahli intelek dalam parti yang terlibat. Atas kritikan hebat daripada majalah dan suratkhabar yang dikuasai oleh pemimpin tersebut, beberapa orang ahli intelek yang dikenali ramai telah dibuang kerja atau dipaksa menulis surat pengakuan salah kepada parti pusat. Perkembangan ini seolah-olah seperti berlaku semula Revolusi Kebudayaan iaitu golongan intelek dianiaya dengan tuduhan anasir kanan.

Kempen ini telah menaikkan ketakutan orang ramai. Dilaporkan kempen itu apabila dilaksanakan, aspek-aspek yang diharamkan itu telah diperluaskan sehingga cara pemakaian dan fesyen rambut seseorang.<sup>179</sup> Pelabur-pelabur asing telah ditakutkan oleh

---

<sup>177</sup> Deng Xiaoping, *Deng Xiaoping Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Deng Xiaoping), jilid ketiga, ms. 41.

<sup>178</sup> Gao Gao, *Hou Wengeshi: Hu Yaobang Yushubuda* (Sejarah Pasca Revolusi Kebudayaan: Hu Yaobang Ghairah Berusaha tetapi Tidak Kesampaian), ms. 122-123.

<sup>179</sup> Zhang Jiamin, *Jianguo Yilai, 1949-1997* (Sejak Penubuhan Negara, 1949-1997), ms. 734.

perjalanan kempen ini dan mula beragu-ragu untuk melabur di China. Didapati juga beberapa tokoh yang berhubungan rapat dengan Hu Yaobang telah diambil tindakan. Sarjana-sarjana asing telah menyifatkan kempen ini sebagai satu siri serangan terhadap pemimpin puak reformasi.

Kempen Pembasmian Pencemaran ini akhirnya dibatalkan oleh Deng sendiri. Hu Yaobang dan Zhao Ziyang telah mengutus sepucuk surat kepadanya menjelaskan kerosakan yang telah terjadi akibat daripada pelaksanaan kempen tersebut. Satu mesyuarat tergempar telah diadakan oleh PKC pusat pada bulan November. Dalam mesyuarat itu, majoriti ahli Jawatankuasa Pusat Parti bersetuju menghentikan kempen tersebut.<sup>180</sup>

### 3.6. Kesimpulan

Setakat Oktober 1984, masa ini boleh dikelaskan sebagai period pertama era Deng Xiaoping. Sebab dalam lingkungan masa ini reformasi lebih difokuskan di kawasan kampung pertanian dan Zon-zon Ekonomi Istimewa. Di kawasan bandar pula, Deng lebih menumpukan usaha menyelaraskan keseimbangan perkembangan dalam sektor-sektor ekonomi yang berlainan.

Jika disemak sekali idea-idea yang disampaikan melalui Resolusi Mesyuarat Sesi Ketiga, nyata Dasar Penyelarasan Ekonomi yang disebut di atas tidak menepati janji Deng iaitu mengurangkan pemusatan kuasa pihak kerajaan pusat. Sebaliknya kuasa membuat keputusan itu lebih dipusatkan di tangan Chen Yun yang dilantik oleh Deng untuk memantau masalah ekonomi. Ini bukan reformasi ekonomi tetapi hanya sekadar

---

<sup>180</sup> Gao Gao, *Hou Wengeshi: Zhongguo Ziyouthua Chaoliu* (Sejarah Pasca Revolusi Kebudayaan: Arus Liberalisasi di China), ms. 131.

pemulihan ekonomi. Sistem Ekonomi Terancang masih dikekalkan di kawasan bandar. Chen mengambil peluang tersebut mengurangkan perbelanjaan kerajaan dan mengimbangkan pembangunan antara sektor-sektor ekonomi yang berlainan.

Di kawasan kampung pertanian pula, idea-idea reformasi yang dilakarkan dalam Resolusi Mesyuarat Sesi Ketiga tidak memberi kebebasan yang cukup untuk membantu para petani memecahkan kebuntuan mereka. Mereka terpaksa membelakangkan peraturan-peraturan untuk mengamalkan pertanian individu dan keputusannya amat menakjubkan. Deng sebagai pemimpin tertinggi negara melarang pada awal dan membenarkannya pada kemudian. Faktor yang paling utama tidak lain tidak bukan adalah kerana sistem ini benar-benar meningkatkan hasil pertanian dalam masa yang singkat. "Lampu hijau" yang diberi oleh Deng sekaligus menghilangkan keraguan pihak kerajaan tempatan sama ada tindakan para petani ini bersifat "Burjuis" atau tidak.

Deng mementingkan perkembangan ekonomi lebih daripada perkembangan politik. Demi mewujudkan sebuah masyarakat yang aman dan bersatu, beliau mengemukakan "Empat Prinsip Pengekalan" untuk menggariskan batasan pandangan-pandangan yang boleh bebas dibincang oleh rakyat jelata. Sebelum itu beliau menyeru rakyat jelata bebas berfikir dan bersuara, tetapi sehingga kali ini baru menjelaskan bahawa kebebasan yang diberi itu sebenarnya mempunyai had yang cukup rigid. Beliau nampaknya menghendakkan politik "berkhidmat" untuk perkembangan ekonomi. Oleh itu, idea-idea reformasi beliau dalam bidang politik juga terhad kepada mengharamkan birokratisme, sistem perjawatan seumur hidup, campur tangan kuasa parti terhadap kerajaan eksekutif dan institusi ekonomi. Selain daripada perkara kedua, idea-idea yang

lain di atas gagal dilaksanakan kerana PKC sebagai sebuah parti pemerintah tunggal, ia tidak dapat diawasi oleh mana-mana pihak.

Period ini memang merupakan period awal idea-idea reformasi pasaran Deng direalisasikan. Maksudnya kesan pelaksanaan tidak ketara. Hanya di kawasan kampung pertanian ternampak ciri-ciri reformasi pasaran: para petani bebas menentukan tanaman yang ingin ditanam, pasar tani diwujudkan semula dan industri pekan didirikan dengan modal individu. Satu lagi ialah di ZEI. Di sanalah boleh dikatakan kongkongan Sistem Ekonomi Terancang yang paling sedikit dikenakan. Modal asing dan teknologi canggih mula dibawa masuk, rakyat diberi peluang dan dibenarkan menjadi kaya berdasarkan kemampuan sendiri. Zon-zon ini telah dijadikan teladan Dasar Reformasi Pasaran dan membuka mata rakyat seluruh negara di mana merupakan satu pilihan alternatif untuk membangunkan negara selain daripada Sistem Ekonomi Terancang.

Bagaimanapun, setelah kejayaan-kejayaan ini dicapai, keimbangan tentang kehilangan ciri-ciri Sosialisme negara juga timbul dalam fikiran Deng Xiaoping. Inilah sebab yang menjelaskan kenapa Kempen Pembasmian Pencemaran Pemikiran tidak dapat dielakkan. Kempen itu boleh dilihat sebagai satu petanda yang mereflekskan keimbangan Deng tersebut. Akan tetapi kempen tersebut akhirnya terbukti tidak dapat mengurangkan keimbangan beliau tersebut. Pada masa kemudian beliau cuba dengan pendekatan yang sebaliknya, iaitu reformasi diteruskan. Pada masa itu, skopnya lebih besar, beliau tentu tahu hasilnya mungkin akan lebih besar, pada masa yang sama, risikonya juga besar. Beliau adalah orang yang mementingkan “menyeberangi sungai” lebih daripada “batu”, oleh itu, keputusan beliau ini tidak menghairankan.